



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

3 Mei 2019 / 27 Syaaban 1440H

Nilai-Nilai Al-Quran: As-Sabirin

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي رَفَعَ دَرْجَةَ الصَّابِرِينَ عِنْدَ الْمُصِيبَةِ، وَجَزَاهُمْ
بِمَا صَبَرُوا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ،
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ
وَالآهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّا عِبَادُ اللّٰهِ، إِنَّقُوا اللّٰهَ، وَكُوئُنُوا مَعَ الصَّابِرِينَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan lagi ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan perintahNya dan menjauhi laranganNya. Mudah-mudahan Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita kesihatan, kesabaran dan umur yang panjang agar kita dapat bertemu dengan bulan Ramadan mendatang. Amin.

Saudaraku yang dirahmati Allah s.w.t.,

Kurang beberapa hari lagi, kita akan memasuki bulan Ramadan. Bulan yang dikenali sebagai bulan al-Qur'an, ia memberikan peluang bagi kita untuk mendalami dan menghayati Al-Qur'an. Justeru khutbah pada sepanjang bulan Ramadan yang mendarat akan menghayati nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Qur'an, semoga ia dapat dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan kita insyallah.

Saudaraku,

Terdapat satu ayat suci al-Qur'an, yang mana padanya terkandung pelbagai pengajaran dan nilai yang dapat kita hayati. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Ali Imran ayat 16-17:

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ١٦ الْصَّابِرِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالْقَنِيْتِينَ وَالْمُنْفِقِينَ
وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ ١٧

Yang bermaksud: "(iaitu) orang-orang yang berdoa: "Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami telah beriman, maka ampunilah segala dosa kami dan peliharalah kami dari siksa neraka," (iaitu) orang-orang yang sabar, yang benar, yang tetap taat, yang menafkahkan hartanya (di jalan Allah), dan yang memohon ampun di waktu sahur."

Ayat yang baru saya bacakan sebentar tadi menggambarkan kepada kita beberapa nilai yang merupakan cerminan kepada orang-orang yang beriman. Ia adalah nilai kesabaran, berkata benar, ketaatan kepada Yang Esa, sikap suka bersedekah, dan yang terakhir orang yang sentiasa meminta maaf dan keampunan kepada tuhan.

Pada kesempatan kali ini, ingin saya memberi penumpuan kepada kesabaran, dan nilai serta maksud daripada ciri tersebut.

Saudaraku,

Sekiranya kita merenung akan isi kandungan di dalam Al-Qur'an sepenuhnya, kita akan mendapati perintah untuk bersabar ini berulang kali disebut dalam al-Qur'an. Ia merupakan satu petanda akan kepentingan bersabar itu di sisi tuhan.

Terdapat juga beberapa ayat al-Qur'an yang menggambarkan kepada kita tentang kesabaran para Anbiya' dalam menghadapi ujian. Sebagai contoh kisah Nabi Nuh a.s. yang sabar berdakwah kepada umatnya dan ahli keluarganya selama 950 tahun lamanya. Kisah Nabi Ayub a.s. ditimpa dengan ujian penyakit yang tiada ubatnya sehingga ditinggalkan ahli keluarganya, namun Baginda kekal bersabar dan berdoa kepada Allah s.w.t. sehingga dikurniakan kesembuhan. Begitu juga kisah Nabi Yusuf a.s. yang diuji dengan pelbagai ujian silih

berganti, Namun kesemuanya itu, Nabi Yusuf a.s. menghadapinya dengan penuh kesabaran dan iman yang utuh.

Saudaraku,

Dari kisah-kisah yang dikongsikan sebentar tadi, ia memberi pengajaran kepada kita, akan erti dan maksud kesabaran.

Saudaraku,

Di dalam kitab Madarrij al-Salikin, dinyatakan bahawa untuk memperoleh pemahaman yang menyeluruh berkaitan bersabar, terdapat tiga aspek yang perlu diperhatikan:

Aspek yang pertama adalah sabar dalam mentaati perintah Allah.

Dan dimaksudkan disebalik bersabar dalam mentaati tuhan, adalah dengan melaksanakan segala amalan soleh dengan secara bertahap-tahap dengan penuh kesabaran sehingga akhirnya diri kita merasa selesa dan tidak terasa berat untuk melakukan perkara tersebut secara berterusan.

Ingatlah akan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “*Dan sungguhnya, amalan yang paling dicintai oleh Allah iaitu yang dikerjakan secara berterusan walaupun ia sedikit.*” [Hadith riwayat Bukhari dan Muslim].

Saudaraku,

Aspek kedua adalah sabar dalam menghadapi ujian hidup.

Ketahuilah saudaraku sekalian, bahawa ujian dan cubaan merupakan asam garam hidup di dunia ini. Semua manusia akan diuji oleh Allah s.w.t. Martabat seseorang itu akan dinaikkan apabila beliau bersabar dengan ujian yang dihadapinya. Allah s.w.t berfirman dalam surah Al-Ankabut, ayat 1 hingga 3:

الْمَ ١ أَحَسِبَ النَّاسُ أَنَّ يُرَكَّوْا أَنْ يَقُولُوا إِنَّا أَمْنَى وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ
وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ أَلَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ
الْكَذِيبِينَ ٢

Yang bermaksud: “Alif Lam Mim. Adakah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedangkan mereka tidak diuji? Sesungguhnya Kami (Allah) telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.”

Di sinilah saudaraku sekalian, pentingnya peranan bersabar dalam menjalani kehidupan. Ciri bersabar itu membimbing seorang hamba untuk sentiasa memohon bantuan dan kekuatan daripada Allah s.w.t. Kesabaran membawa seseorang untuk tidak sompong dengan Tuhan yang menciptakannya.

Kesabaran yang mengajar diri insan untuk berusaha dengan sebaik yang mungkin dan tidak mudah berputus asa.

Saudaraku yang dirahmati Allah,

Adapun aspek ketiga adalah sabar ketika menjauhi diri dari larangan Allah.

Aspek kesabaran ini bukan hanya penting untuk menghadapi kesulitan ataupun musibah. Akan tetapi ia juga sangat diperlukan oleh seorang Muslim ketika menjauhi larangan Allah s.w.t. Ini adalah kerana manusia dijadikan Allah sebagai makhluk yang memiliki keinginan dan nafsu. Seringkali keinginan seseorang itu mendorong insan untuk melakukan perkara-perkara yang mendatangkan keseronokan. Pada waktu yang sama, kemungkinan ia mengakibatkan kita lalai pada tanggungjawab serta kewajipan yang ada.

Oleh itu saudaraku, dalam kita mempersiapkan diri menyambut ketibaan bulan Ramadan. Marilah kita sama-sama membangunkan sifat sabar sebagai kekuatan dalaman yang membantu kita menjinakkan diri ini untuk mudah taat kepada perintah Allah dan menjauhi laranganNya. Sifat kesabaran itu hanya akan berhasil sekiranya seorang itu bersungguh-sungguh untuk memupuk kesabaran dalam dirinya. Sabda Rasulullah s.a.w. di dalam sepotong hadith yang bermaksud: “*Barangsiapa yang sungguh-sungguh berusaha untuk bersabar maka Allah akan memudahkan kesabaran baginya. Dan tidaklah seorang*

dianugerahkan (oleh Allah) pemberian yang lebih baik dan lebih luas (keutamaannya) daripada (sifat) sabar.” [Hadith riwayat Bukhari dan Muslim]

Semoga Allah mengurniakan kepada kita semua kesabaran dalam mentaati dan beribadah kepadanya dan memperolehi ganjaran pahala orang yang sabar. Dan semoga Allah mengurniakan kepada Taufiq untuk menambahkan amalan soleh kita di bulan Ramadan yang mendatang. Dan semoga Dia menerima segala ibadah yang kita tunaikan insyallah. Amin ya Rabbal ‘Alamin.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيَّا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ.